



**JABATAN INSOLVENSI MALAYSIA
ARAHAN KETUA PENGARAH INSOLVENSI BIL. 5 /2022**

Timbalan Ketua Pengarah Insolvensi
Pengarah Insolvensi Bahagian
Pengarah Insolvensi Negeri
Timbalan Pengarah Insolvensi
Penolong Kanan Pengarah Insolvensi
Penolong Pengarah Insolvensi
Pegawai Insolvensi Utama
Ketua Cawangan
Pegawai Insolvensi

**PENGGUNAAN BORANG BK: HAK-HAK DAN TANGGUNGJAWAB SEBAGAI
SEORANG BANKRAP DI BAWAH AKTA INSOLVENSI 1967 [AKTA 360]**

TUJUAN

1. Arah ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Cawangan berkenaan dengan penggunaan Borang BK: Hak-hak dan Tanggungjawab Sebagai Seorang Bankrap di bawah Akta Insolvensi 1967 [Akta 360].

DEFINISI DAN TAFSIRAN

2. Bagi tujuan arahan ini –
 - (i) "Cawangan" merujuk kepada semua Cawangan Mdl;
 - (ii) "Ibu Pejabat" merujuk kepada Bahagian Kebankrapan;

LATAR BELAKANG


3. Ibu Pejabat telah membuat semakan semula terhadap kerelevanannya Arahan KPI Bil. 3/1997 iaitu berkenaan dengan penggunaan Borang PPH I [JPH K/F/3] yang telah digunakan mulai 1 Mei 1997. Borang PPH I [JPH K/F/3] adalah borang yang digunakan di Cawangan ketika sesi temu kenal bersama bankrap bagi menerangkan hak-hak dan tanggungjawab sebagai seorang bankrap di bawah Akta Kebankrapan 1967. Semakan semula terhadap borang tersebut mendapati borang tersebut tidak pernah dikemaskini dan ditambahbaik selaras dengan pindaan yang telah dibuat di bawah Akta Insolvensi 1967 [Akta 360]. Oleh itu, penggunaan Borang PPH I [JPH K/F/3] di bawah Arahan Jabatan (Kebankrapan) Bil. 3/1997 telah dibatalkan.
4. Sehubungan dengan itu, bagi memudahkan penerangan kepada bankrap berkenaan dengan hak dan tanggungjawab sebagai seorang bankrap di bawah Akta 360 oleh Pegawai Insolvensi di Cawangan ketika sesi temu kenal diadakan, Ibu Pejabat telah mewujudkan suatu borang baharu yang dikenali sebagai Borang BK: Hak-Hak Dan Tanggungjawab Sebagai Seorang Bankrap Di Bawah Akta Insolvensi 1967 [Akta 360] seperti di Lampiran 1 untuk diberikan kepada bankrap ketika sesi temu kenal dijalankan.

PEMBATALAN

5. Arahan Jabatan (Kebankrapan) Bil. 3/1997 dengan ini dibatalkan.

KUAT KUASA

6. Arahan ini berkuat kuasa pada tarikh ia dikeluarkan.


(DATO' ANITA HARUN)
Ketua Pengarah Insolvensi
Jabatan Insolvensi Malaysia

Tarikh: 29 April 2022

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI _____
DALAM PERKARA KEBANKRAPAN NO: _____

BER :
NO. K/P :
EX-PARTE :

**HAK-HAK DAN TANGGUNGJAWAB SEBAGAI SEORANG BANKRAP DI
BAWAH AKTA INSOLVENSI 1967 [AKTA 360]**

TARIKH BO :
NO. RUJUKAN KES :

PENGENALAN

Anda telah diisyiharkan bankrap di atas perintah Mahkamah Tinggi _____ pada _____.

Maklumat seperti yang terkandung dalam risalah ini menerangkan secara ringkas hak-hak dan tanggungjawab seorang bankrap di bawah Akta Insolvensi 1967 [Akta 360]. Anda mempunyai kewajipan di sisi undang-undang untuk bekerjasama dengan Ketua Pengarah Insolvensi (KPI) dalam pentadbiran kes kebankrapan anda.

1. APA ITU KEBANKRAPAN?

Kebankrapan adalah merupakan satu proses perundangan apabila seseorang penghutang yang gagal menjelaskan sesuatu hutang telah dihukum bankrap menerusi Perintah Kebankrapan (BO) yang dikeluarkan oleh suatu Mahkamah Tinggi.

Terdapat dua (2) cara bagaimana seseorang boleh dibankrapkan melalui petisyen yang mesti dibuat menerusi Mahkamah Tinggi sahaja iaitu:

(a) Permohonan Daripada Pembiutang

Di bawah seksyen 6 Akta 360, pihak-pihak yang memberikan hutang (yang dikenali sebagai pembiutang) antaranya seperti pihak-pihak institusi kewangan, individu ataupun badan-badan korporat seperti syarikat boleh membuat permohonan menerusi pemfailan petisyen pembiutang terhadap penghutang bagi amaun keberhutangan yang berjumlah RM 100,000.00 dan ke atas.

Jumlah amaun keberhutangan RM 100,000.00 ini adalah termasuk faedah dan pembiutang perlu mendepositkan wang sebanyak RM 2,000.00 yang diperlukan sebagai kos pentadbiran KPI.

(b) Permohonan Daripada Penghutang

Di bawah seksyen 7 Akta 360, seseorang penghutang boleh memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk suatu BO melalui pemfailan petisyen penghutang berserta perakuan ketidakmampuan bagi menjelaskan hutang.

Berbeza dengan petisyen pemutang, tiada had amaun keberhutangan yang ditetapkan bagi seseorang individu yang ingin membankrapkan dirinya sendiri.

Namun demikian, sebelum Mahkamah mempertimbangkan petisyen kebankrapannya, seseorang penghutang hendaklah terlebih dahulu mendepositkan wang kepada KPI sebanyak RM 1,500,00 sebagai kos pentadbiran KPI.

2. KESAN KEBANKRAPAN

Kesan BO dinyatakan di bawah perenggan 8(1)(b) Akta 360 seperti berikut:

8. (1) On the making of a bankruptcy order—

- (b) *all the property of the bankrupt shall become divisible among his creditors and shall vest in the Director General of Insolvency and the Director General of Insolvency shall be the receiver, manager, administrator and trustee of all properties of the bankrupt.*

Kesan serta merta apabila suatu BO dijatuhkan oleh Mahkamah dan seseorang individu menjadi bankrap di bawah Akta 360, kesemua harta benda (*property*) yang dimilikinya akan terlucut dan secara automatik terletak hak kepada KPI. Selain daripada itu, seseorang bankrap akan hilang kelayakan dan hak-hak serta tertakluk kepada halangan-halangan tertentu yang ditetapkan di bawah Akta 360.

Secara umum, kesan-kesan akibat BO terhadap seseorang individu adalah terbahagi kepada dua (2) iaitu kesan-kesan terhadap hak-hak individu dan kesan-kesan kepada harta yang dimiliki.

(a) Kesan kebankrapan kepada individu

Bagi seseorang profesional, status kebankrapan akan menyebabkan bankrap tidak dapat meneruskan profesi tersebut dan akan kehilangannya. Bagi menjaga tahap profesionalisme serta integriti dan kebolehpercayaan, pelbagai profesi utama tidak membenarkan seseorang yang bankrap untuk terus menjawat jawatan berkenaan dan secara automatik akan hilang kelayakannya menurut undang-undang yang berkaitan.

Seseorang yang bankrap akan hilang kelayakan daripada menjawat jawatan-jawatan atau pekerjaan yang tertentu seperti berikut:

- i. Memegang jawatan dalam badan-badan tertentu antaranya hilang kelayakan sebagai Gabenor Bank Negara atau memegang jawatan pengurusan institusi-institusi kewangan;
- ii. Hilang kelayakan sebagai pemegang jawatan atau ahli jawatankuasa pertubuhan-pertubuhan yang berdaftar atau kesatuan sekerja;
- iii. Hilang kelayakan untuk menjadi ahli Majis Pihak Berkuasa Tempatan;
- iv. Hilang kelayakan sebagai seorang Majistret dan Hakim;
- v. Hilang kelayakan sebagai ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri;
- vi. Hilang kelayakan sebagai profesional sebagai contoh menjadi peguam bela dan peguam cara di bawah Akta Profesional Undang-Undang [Akta 166] atau menjadi penyelesa di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777];

Seterusnya Akta 360 juga mengenakan halangan-halangan tertentu kepada seseorang bankrap. Ketidakupayaan (*disabilities of a bankrupt*) dinyatakan di bawah seksyen 38 dan 109 Akta 360 antaranya adalah:

- i. Tidak boleh meneruskan atau memulakan apa-apa tindakan di Mahkamah selain daripada tindakan tuntutan kecederaan terhadap dirinya kecuali dengan mendapatkan kebenaran (sanksi atau sanction) terlebih dahulu daripada KPI;
- ii. Tidak boleh meninggalkan Malaysia kecuali dengan kebenaran terlebih dahulu oleh KPI atau Mahkamah;
- iii. Tidak boleh menjalankan sebarang perniagaan tanpa kebenaran terlebih dahulu oleh KPI atau Mahkamah;
- iv. Tidak boleh menjadi pengarah syarikat atau terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam pengurusan sesuatu syarikat tanpa kebenaran terlebih dahulu oleh KPI atau Mahkamah;
- v. Tidak boleh bekerja atau terlibat dalam pengurusan apa-apa perniagaan ahli keluarga tanpa kebenaran terlebih dahulu oleh KPI atau Mahkamah;
- vi. Tidak boleh meminjam wang melebihi RM1,000.00 tanpa memaklumkan terlebih dahulu tentang status kebankrapannya;

(b) Kesan kebankrapan kepada harta benda

Sebagaimana yang dinyatakan, kesan serta merta apabila suatu BO dijatuhkan oleh Mahkamah dan seseorang individu menjadi bankrap di bawah Akta 360, kesemua harta benda (*property*) yang dimilikinya akan terlucut dan secara automatik terletak hak kepada KPI. Namun, terdapat harta benda yang dikecualikan daripada dibahagikan oleh KPI bagi kepentingan para pembiutangnya seperti yang dinyatakan di bawah perenggan 48(1)(a) Akta 360 adalah dikecualikan iaitu:

- (i) harta yang dipegang oleh bankrap sebagai amanah kepada orang lain;
- (j) peralatan yang berkaitan dengan pekerjaan/perniagaan, kelengkapan dan keperluan diri dan ahli keluarga bankrap yang tidak melebihi RM 5,000.00.

3. KESAN PERINTAH KEBANKRAPAN KEPADA SEORANG PENJAWAT AWAM

Polisi Kerajaan berhubung kebankrapan seseorang penjawat awam boleh dinyatakan dalam tiga (3) peringkat:

(a) Sebelum Perkhidmatan

Peraturan 20(1)(b)(v) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 menyatakan bahawa seseorang calon yang ingin memasuki perkhidmatan awam perlu membuat suatu perakuan berkanun di bawah Akta Akuan Berkanun 1960 [Akta 13] bahawa antaranya bahawa beliau bukan seorang yang bankrap.

(b) Semasa dalam perkhidmatan

Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan & Tatatertib) 1993 [P.U.(A)395/1996] menyatakan bahawa seseorang pegawai awam tidak boleh dengan apa-apa juga cara pun menyebabkan dirinya berada dalam keberhutangan yang serius.

Terma “keberhutangan serius” kerana amaun keberhutangan tinggi yang ditanggung sehingga seseorang pegawai awam berada dalam keadaan atau kesusahan kewangan yang serius adalah termasuk apabila pegawai awam tersebut menjadi bankrap.

Sekiranya seseorang pegawai awam dijatuhkan dengan BO, KPI akan memaklumkan dan menyediakan suatu laporan kepada Ketua Jabatan bankrap berkenaan.

Seterusnya Ketua Jabatan yang berkenaan akan melaporkan tentang kebankrapan pegawai awam tersebut kepada Pihak Berkuasa Tatatertib. Pihak Berkuasa Tatatertib mempunyai budi bicara bagi mempertimbangkan jenis tindakan tatatertib yang boleh diambil kepada pegawai awam berkenaan yang termasuk tindakan buang kerja kerana antaranya telah menjelaskan nama baik perkhidmatan awam itu sendiri.

(c) Selepas tamat perkhidmatan

Hak kepada pencen

Selain kehilangan harta bendanya sebagaimana yang dijelaskan di bawah Akta 360, seseorang pesara perkhidmatan awam secara automatik akan kehilangan haknya bagi menikmati faedah berpencen di bawah Akta Pencen 1980 [Akta 227].

Seksyen 19 Akta 227 menyatakan bahawa faedah persaraan seseorang pesara boleh ditahan, diasingkan atau dilevi bagi maksud:

- (a) menjelaskan mana-mana hutang kepada Kerajaan Persekutuan, Negeri, atau suatu Pihak Berkuasa Berkanun atau Tempatan; dan
- (b) menuaikan perintah Mahkamah supaya dibayar secara berkala sejumlah wang untuk nafkah isteri, bekas isteri atau anak yang masih belum dewasa, sama ada sah taraf atau tidak.

Manakala seksyen 20 Akta 227 menyatakan bahawa seseorang pegawai awam tidak boleh diberikan pencen, ganjaran atau faedah lain jika pada tarikh dia bersara daripada perkhidmatan awam :

- (a) dia dihukum menjadi bankrap atau diisyiharkan sebagai tidak berkemampuan oleh sesuatu Mahkamah, sama ada di Malaysia atau di tempat lain; dan
- (b) dia belum lagi mendapat pelepasan daripada hukuman atau pengisytiharan itu.

Secara ringkas, status kebankrapan yang dihadapi oleh seseorang pegawai awam/pesara akan menjadikan suatu pencen atau faedah-faedah lain yang diterimanya selepas bersara akan terhenti dengan serta-merta. KPI dalam menjalankan tanggungjawabnya yang termaktub di bawah Akta 360 akan menggunakan wang pencen atau lain-lain faedah yang diterima daripada pesara bagi membayar hutang-hutangnya kepada para pemutang dalam estet kebankrapannya.

Wang Ganjaran atau hadiah persaraan

Seksyen 57(3) Akta 360 menyatakan bahawa KPI berhak ke atas wang ganjaran atau lain-lain faedah persaraan yang diterima oleh bankrap. Dalam hal ini KPI perlu mengemukakan permohonan kepada Mahkamah bagi mendapatkan perintah berhubung pembayaran wang ganjaran tersebut dan lain-lain oleh pihak Kerajaan kepadanya.

Wang ganjaran dan faedah persaraan ini akan diagih-agihkan kepada para pemutang bankrap bagi menjelaskan hutang-hutangnya.

4. TANGGUNGJAWAB BANKRAP

(a) Menghadiri Sesi Temu Kenal

Sesi Temu Kenal merupakan suatu sesi suai kenal bagi mengetahui latar belakang seseorang bankrap, alasan kebankrapan, kedudukan kewangan serta harta yang dimiliki. Bankrap juga akan dimaklumkan tentang tanggungjawab, sekatan dan hilang kelayakan bankrap sepanjang beliau berada dalam tempoh kebankrapan. Sesi tersebut juga akan membincangkan kaedah yang sesuai untuk menyelesaikan kes kebankrapan yang dialami. Hendaklah menjadi kewajipan bankrap untuk menghadiri sesi temu kenal ini pada masa dan tempat sebagaimana yang KPI tetapkan untuk pemeriksaan.

(b) Pemfailan Pernyataan Hal Ehwal (PHE)

Pernyataan Hal Ehwal (PHE) merupakan pengisyntiharan harta dan liabiliti yang mana bankrap membuat pengakuan pemilikan harta dan jumlah wang serta liabiliti yang ditanggung oleh bankrap. PHE hendaklah difailkan tanpa gagal dalam tempoh tujuh (7) hari bagi Petisyen Penghutang atau dua puluh satu hari (21) bagi Petisyen Pemutang, dari tarikh BO dibuat.

(c) Pemfailan Borang Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan 6 Bulan

Borang Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan Enam Bulan merupakan satu borang yang perlu dilengkapkan oleh bankrap pada setiap enam (6) bulan sekali untuk diserahkan ke Mdl bagi memaklumkan jumlah pendapatan dan jumlah perbelanjaan bankrap. Ini selaras dengan peruntukan perenggan 38 (1)(b) Akta 360. Penyata tersebut hendaklah disertakan bersama-sama dengan dokumen sokongan seperti bil, salinan slip gaji dan salinan resit sebagai bukti pembayaran yang telah dilakukan dalam tempoh tersebut.

(d) Penetapan Bayaran Ansuran Bulanan

Bayaran ansuran bulanan merupakan jumlah bayaran yang dipersetujui antara bankrap dengan Mdl yang akan dibayar secara ansuran bulanan. Penetapan ini dibuat semasa Sesi Temu Kenal diadakan dengan bankrap. Tujuan bayaran dibuat ialah bagi melangsaikan hutangnya yang dituntut oleh pemutang melalui pemfailan Borang Bukti Hutang (BBH).

Ansuran bulanan minimum yang ditetapkan 10% berdasarkan pendapatan bulanan kasar yang diterima oleh bankrap atau minimum RM100.00 yang mana lebih tinggi tertakluk juga kepada jumlah hutang bankrap. KPI mempunyai budi bicara untuk menetapkan bayaran ansuran yang lebih tinggi.

Bankrap dinasihatkan untuk membayar ansuran bulanan yang lebih tinggi bagi menjelaskan hutang untuk membebaskan diri daripada kebankrapan dengan segera.

5. KESALAHAN-KESALAHAN FRAUD BANKRAP*

Akta 360	<p>(a) Seksyen 109(1) (a) sehingga (r)</p> <ul style="list-style-type: none">- Tidak memaklumkan sepenuhnya sepanjang pengetahuan dan kepercayaan bankrap kepada KPI berkenaan dengan kesemua harta bankrap;- Tidak menyerahkan harta, dokumen, buku dan sebagainya seperti diarahkan oleh KPI;- Melupuskan harta milik bankrap tanpa kebenaran KPI;- Memindahkan bahagian harta bankrap secara fraud;- Memasuki kontrak sama ada sendiri atau bersama dengan mana-mana orang lain tanpa memberitahu status seorang bankrap;- Membuat pinjaman wang sama ada secara sendiri atau bersama dengan mana-mana orang lain berjumlah RM1,000.00 dan ke atas tanpa memberitahu status seorang bankrap; <p>(b) Seksyen 109 (3)</p> <ul style="list-style-type: none">- Kesalahan bagi mana-mana orang yang mengambil gadai atau sandaran atau selainnya menerima harta yang diketahui telah digadai, disandar atau selainnya menerima harta yang diketahui telah digadai, disandar atau dilupuskan dalam hal keadaan tertentu oleh bankrap;
----------	--

	<p>(c) Seksyen 110 (1)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Tidak menyimpan dokumen akaun yang sempurna; <p>(d) Seksyen 111 (a) dan (b)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Bankrap berhutang tanpa alasan jangkaan yang munasabah untuk membayarnya dalam tempoh 12 bulan akan datang sebelum penyampaian suatu petisyen kebankrapan; <p>(e) Seksyen 112</p> <ul style="list-style-type: none"> - Melarikan diri dengan harta; <p>(f) Seksyen 113 (1)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Melarikan diri untuk mengelak penyampaian proses kebankrapan atau memalukan prosiding kebankrapan; <p>(g) Seksyen 114 (1)(a) sehingga (c)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Memperoleh atau mendapatkan kredit secara fraud; <p>(h) Seksyen 84A (3)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kuasa KPI yang mempunyai seperti kuasa Polis di bawah Akta Polis 1967 [Akta 344] dan Kanun Prosedur Jenayah untuk menyiasat kesalahan bankrap;
Kanun Keseksaan	<p>(a) Seksyen 421</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mengalihkan atau menyembunyikan harta dengan curang ataupun tipuan bagi mengelakkan pembahagian harta kepada pemutang; <p>(b) Seksyen 422</p> <ul style="list-style-type: none"> - Dengan curang atau tipuan mengelakkan untuk menghalang harta daripada digunakan mengikut undang-undang untuk membayar hutang kepada pemutang; <p>(c) Seksyen 423</p> <ul style="list-style-type: none"> - Dengan curang atau dengan tipuan bagi menyempurnakan surat ikatan pindah milik, yang mempunyai kenyataan palsu tentang balasan;

<p>*Kesalahan-kesalahan seperti dinyatakan hanya merupakan sebahagian kesalahan yang terdapat di bawah Akta 360 dan perundangan lain yang berkenaan. Rujukan kepada akta yang berkenaan perlu dibuat untuk mendapatkan peruntukan penuh berkenaan dengan kesalahan yang berkenaan. Untuk makluman lanjut, anda boleh terus menghubungi Pegawai Insolvensi yang mengendalikan kes anda.</p>	

6. PELEPASAN DARIPADA KEBANKRAPAN

NO.	SEKSYEN	PENERANGAN
1	33	Pelepasan melalui Mahkamah iaitu pelepasan bersyarat ataupun pelepasan mutlak tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan dalam seksyen tersebut.
2	33A	<p>Pelepasan melalui kuasa budi bicara KPI tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan dalam seksyen tersebut.</p> <p>Pengenalan kepada peruntukan baharu iaitu subseksyen 33B(2A) Akta 360 iaitu empat (4) golongan bankrap yang boleh dilepaskan melalui kuasa budi bicara KPI tanpa perlu mempertimbangkan sebarang bantahan daripada pihak pemutang iaitu bankrap atas alasan sebagai penjamin sosial, bankrap didaftarkan sebagai Orang Kurang Upaya (OKU) di bawah Akta Orang Kurang Upaya 2008 [Akta 685], bankrap yang telah meninggal dunia dan bankrap yang mengidap penyakit serius yang telah disahkan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan.</p>
3	33C	Seksyen baharu ini yang berkuatkuasa mulai 06.10.2017 telah memberikan kuasa budi bicara kepada KPI (KPI) untuk melepaskan bankrap secara automatik dalam tempoh tiga (3) tahun tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan dalam seksyen tersebut.
4	105	Pembatalan Perintah Kebankrapan melalui Mahkamah tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan dalam seksyen tersebut.

7. Maklumat Lanjut

- (a) Portal Rasmi Jabatan - <https://www.mdi.gov.my/index.php/ms/>
- (b) Carian Status Kes Atas Talian –
<https://e-insolvensi.mdi.gov.my> (Fi RM10.00 bagi setiap carian)
- (c) Cawangan yang mentadbir kes anda.

Sekiranya terdapat soalan lanjut mengenai apa-apa yang terkandung dalam borang ini, anda boleh terus menghubungi Pegawai Insolvensi yang mengendalikan kes anda iaitu:

Nama Pegawai Insolvensi :
E-mel :
No. Telefon :

Saya dengan ini mengaku bahawa saya telah menerima satu salinan borang ini dan memahami isi kandungannya.

Nama :
No. KP :
Tarikh :

Catatan:

- Penggunaan terma dan rujukan perundangan adalah merujuk kepada pindaan Akta Insolvensi 1967 [Akta 360] sehingga yang terkini. Sekiranya masih terdapat sesi temu kenal melibatkan kes sebelum pindaan Akta 360 yang berkenaan dibuat, pindaan terhadap rujukan perundangan boleh dibuat oleh Cawangan dalam Borang ini sebelum diserahkan Borang ini kepada bankrap.
- Isi kandungan boleh diubah dan ditambah bergantung kepada isu dan penekanan yang ingin dibuat tertakluk kepada fakta kes kebankrapan yang berkenaan. Sebagai contoh, sekiranya penerangan berkaitan pelepasan bankrap ingin dibuat lebih terperinci, maka penambahan maklumat boleh dibuat oleh Cawangan bagi perkara ini.